

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN

TARIKH: 31 DISEMBER 2017

MUKA SURAT:16

PEMANSUHAN TOL BATU TIGA & SG RASAU

FOKUS Hari ini

NUR FARHANA ABDUL MANAN, HASNIZA HUSSAIN, NOR AZINAN MD GHAZALI, MOHD IZZATUL IZZAN MOHD TAHIR, NORAFIZA JAAFAR & MUHAMMAD FAIZ SULONG

Perjuangan menemui noktah

Pemansuhan tol Batu Tiga, Sungai Rasau akhirnya berjaya direalisasikan

Hadiah tahun baharu buat rakyat Selangor! Itu yang dapat diungkapkan apabila perjuangan rakyat selama bertahun-tahun supaya plaza tol Batu Tiga dimansuhkan berakhir dengan kemenangan.

Lebih mengembirakan rakyat negeri ini bukan sahaja tol Batu Tiga malah, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dalam pembentangan Bajet 2018 di Dewan Rakyat, Oktober lalu turut mengumumkan pemansuhan tol Sungai Rasau, Klang bermula esok.

Ini sudah pasti memberi kelegaan kepada pengguna jalan raya yang saban hari melalui pondok tol itu dengan bayaran RM1.10 sehala di Plaza Tol Batu Tiga untuk ke Kuala Lumpur dan RM1 di Plaza Tol Sungai Rasau untuk ke Klang.

Penamatan operasi kedua-dua tol ini sudah pasti memberi manfaat apabila bukan sahaja menjimatkan wang pengguna malah pada masa sama mengurangkan kesesakan lalu lintas yang sering berlaku di kedua-dua plaza tol terbabit.

Kesesakan trafik di plaza tol Batu Tiga dan Sg Rasau khususnya pada waktu puncak dijangka dapat dikurangkan dengan pemansuhan kedua-dua tol berkenaan.



reaksi

Penutupan dua plaza tol ini satu bonus untuk rakyat Selangor khususnya yang kerap guna Lebuhraya Persekutuan. Pengguna akan dapat nikmat laluan secara percuma walaupun pada peringkat awalnya dijangka akan berlaku sedikit kesesakan.
- Kakitangan kerajaan, S Govindasamy, 59



Langkah ini (pemansuhan) nampak kerajaan cuba bantu rakyat kurangkan kos perbelanjaan. Bayaran tol dapat dijimatkan, kini cuma perlu fokus pada kos minyak sahaja.
- Peniaga makanan, Norly Rahanat, 37



Pemansuhan tol sangat baik untuk rakyat tapi saya tak pasti kerajaan mansuhkan tol sebab pilihan raya atau sebaliknya. Apa yang pasti kedua-dua tol itu akhirnya ditutup selepas berpuluh tahun la beroperasi.
- Kakitangan awam, Ithnain Mohd Yassin, 50



SHAH ALAM - Pemansuhan tol Batu Tiga dan Sungai Rasau bukan sahaja memberi manfaat kepada warga Shah Alam, namun turut memberi kesan kepada seluruh rakyat Selangor.

Ketua Umno Bahagian Shah Alam, Datuk Azhari Shaari berkata, pemansuhan kedua-dua tol berkenaan yang akan berkuatkuasa pada 1 Januari 2018 dijangka dapat mengurangkan kos perjalanan setiap hari bagi mereka yang melalui kedua-dua tol itu.

"Pertamanya, saya sebagai Ketua Umno Shah Alam ingin merakamkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada ALLAH SWT dengan pengumuman pemansuhan tol Batu Tiga dan Sungai Rasau yang diumumkan oleh Datuk Seri Mohd Najib Razak sebelum ini.

"Umno Shah Alam juga memperjuangkan perkara ini sejak 2014 lagi dengan konsisten termasuk membawa memorandum



AZHARI



BUDIMAN

pemansuhan ini kepada Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof bagi memastikan perkara ini menjadi kenyataan," katanya.

Menurutnya, usul pemansuhan tol berkenaan merupakan usul yang dibawa oleh Umno Shah Alam setiap tahun sebelum ini dan setelah berjuang dengan konsisten akhirnya perkara itu dapat direalisasikan.

Katanya, Umno Shah Alam melihat pemansuhan kedua-dua tol itu sangat memberi impak kepada rak-

yat Selangor, khususnya di Shah Alam di mana kedua-dua laluan berkenaan menjadi laluan wajib setiap hari bagi kebanyakan rakyat di kawasan sekitar.

"Saya fikir, pemansuhan Tol Batu Tiga dan Sungai Rasau bukan sahaja mampu mengurangkan kos sara hidup rakyat bahkan sedikit sebanyak mampu melancarkan aliran trafik di kedua-dua arah terutama pada waktu puncak.

"Rakyat Shah Alam dan Selangor ingin mengucapkan terima kasih kepada Datuk Seri Najib dan juga Tan Sri Noh Omar (Pengerusi Umno Selangor) yang tidak putus-putus memberikan sokongan kerana prihatin dengan suara dan kehendak rakyat untuk memansuhkan kedua-dua tol bermula esok," katanya.

Sementara itu, Ahli Parlimen Sungai Besar, Budiman Mohd Zohdi berkata, pemansuhan di dua tol itu dibangkitkan beliau semasa belum menjawat jawatan wakil rakyat.

"Perkara ini dibangkitkan saya pada tahun 2011 ketika Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak merupakan Pengerusi Umno Selangor," katanya.

Budiman yang juga Adun Sungai Panjang berkata, beliau membangkitkan perjuangan rakyat Selangor khususnya penduduk Shah Alam dan Klang itu ketika Perhimpunan Agung Umno 2011.

"Alhamdulillah saya gembira sebab inilah yang telah (Umno) perjuangkan sejak sekian lama.

"Terima kasih kepada kerajaan pusat dan perdana menteri kerana mendengar keluhan dan memandang serius perjuangan pemimpin setempat yang mendesak agar kutipan di dua tol ini dihapuskan," katanya.

Sejarah kutipan tol

info Bermula sejak pemisahan Singapura dari Malaysia yang menyebabkan kerajaan Klang sebagai pelabuhan utama negara menggantikan Pelabuhan Singapura.

Lebuhraya Persekutuan kemudiannya dibina bagi menghubungkan Pelabuhan Klang ke Kuala Lumpur dengan menaik taraf jajaran Jalan Kuala Lumpur-Klang sedia ada kepada sebuah lebuhraya penuh melalui penggantian persimpangan lampu isyarat searas kepada persimpangan bertingkat.

Lebuhraya Persekutuan juga merupakan lebuhraya ekspres pertama di Malaysia dan dibina melalui pembiayaan daripada Bank Dunia.

Kerja naik taraf dimulakan dari tahun 1974 sehingga 1977.

Lebuhraya Persekutuan pada asalnya ialah lebuhraya empat lorong kecuali di bahagian Petaling Jaya, di mana lebuhraya ini menjadi enam lorong tetapi pada 1992 Plus Expressway Berhad, pemegang konsesi Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) menaik taraf keseluruhan lebuhraya ini kepada enam lorong.

Lebuhraya Persekutuan kemudiannya membuka laluan

bertol sepanjang 18 kilometer dan mula beroperasi pada 1992.

Kutipan tol berkuatkuasa pada 15 November 1993 iaitu melibatkan dua plaza tol: Plaza Tol Batu Tiga dan Sungai Rasau dengan kutipan tol permulaan bagi kenderaan Kelas 1 di Plaza Tol Batu Tiga sebanyak 60 sen dan 50 sen di Sungai Rasau. Bagi lori/treler ialah RM1.20 di Plaza Tol Batu Tiga dan RM1 di Sungai Rasau.

Selepas 20 tahun, kadar tol naik hampir dua kali ganda dari kadar asal iaitu RM1.10 bagi kenderaan Kelas 1 di Plaza Tol Batu Tiga dan RM1 di Sungai Rasau manakala lori/treler di Plaza Tol Batu Tiga RM2.20 dan RM2.00 di Sungai Rasau.

PLAZA TOL BATU TIGA		
KENDERAAN	KELAS	KADAR TOL
	1	RM 1.10
	2	RM 1.50
	3	RM 2.20
	4	RM 0.40
	5	RM 0.90

Kadar tol semasa bagi laluan plaza tol Batu Tiga sebelum dimansuhkan bermula 1 Januari 2018.